



WARTA KERAJAAN NEGERI JOHOR  
GOVERNMENT OF JOHORE GAZETTE



**Undang-Undang Kecil  
Pelesenan Iklan  
(Majis Perbandaran Pengerang)  
2021**

**Licensing of Advertisement  
(Pengerang Municipal Council)  
By-Laws  
2021**


Jenis Sumber Kuasa	Perundangan Subsidiari – Undang-Undang Kecil / By-Laws
Nombor Sumber Kuasa	UUK 8
Versi	Bahasa Melayu
Nombor Warta	J. P.U. 20 / 2021
Tarikh Warta	29 April 2021
Tarikh Berkuat Kuasa	29 April 2021



UNIT UNDANG-UNDANG  
MAJLIS PERBANDARAN PENGERRANG

Majlis Perbandaran Pengerang, No. 7, Jalan Kempas 1  
Taman Dijau Utama, 81030 Bandar Penuhar, JOHOR

07-886 2892 | 07-886 2896 | legalunit@mppengerang.gov.my



NEGERI JOHOR

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF JOHORE GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

Jil. 65  
No. 9

29hb April 2021

*TAMBAHAN No. 9  
PERUNDANGAN*

---

J. P.U. 20.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL PELESENAN IKLAN  
(MAJLIS PERBANDARAN PENGERANG) 2021

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Undang-Undang Kecil

1. Nama, pemakaian dan tarikh berkuat kuasa
2. Dasar-dasar, pekeliling dan lain-lain
3. Tafsiran

BAHAGIAN II

IKLAN

4. Syarat bagi kandungan dan perkataan dalam iklan
5. Penggunaan perkataan “Halal”

BAHAGIAN III

PELESENAN IKLAN

6. Pelesenan iklan
7. Permohonan untuk lesen
8. Lesen salinan
9. Fi carian
10. Kuasa untuk enggan mengeluarkan, memperbaharui dan membatalkan lesen
11. Bayaran
12. Kawasan-kawasan untuk iklan
13. Pengecualian daripada lesen

**BAHAGIAN IV**  
**PENYENGGARAAN IKLAN**

14. Ketinggian dan kehendak iklan
15. Keselamatan struktur iklan
16. Penyelenggaraan iklan yang sedia ada
17. Penurunan dan penghapusan iklan-iklan
18. Pindah milik lesen

**BAHAGIAN V**  
**IKLAN YANG DILARANG**

19. Iklan yang dilarang
20. Penalti
21. Anggapan
22. Tanggungjawab terhadap keruntuhan atau kegagalan struktur atau lekapan
23. Tanggungjawab terhadap kerosakan
24. Larangan iklan tidak bermoral dan tidak sopan
25. Pengecualian
26. Visual
27. Kawasan yang tidak dibenarkan iklan
28. Iklan di tanah persendirian
29. Ketidakpatuhan kepada mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil
30. Kerja-kerja pembaikan dan kerja tanah
31. Pencahayaan dan pemasangan iklan

**JADUAL PERTAMA**

**JADUAL KEDUA**

**JADUAL KETIGA**

**JADUAL KEEMPAT**

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh seksyen 102 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], Majlis Perbandaran Pengerang membuat dan menurut seksyen 103 Akta tersebut, Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan undang-undang kecil yang berikut:

**BAHAGIAN I**  
**PERMULAAN**

**Nama, pemakaian dan tarikh berkuat kuasa**

1. (1) Undang-Undang Kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Pelesenan Iklan (Majlis Perbandaran Pengerang) 2021** dan hendaklah dipakai hanya bagi kawasan Majlis Perbandaran Pengerang.

(2) Undang-Undang Kecil ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*.

**Dasar-dasar, pekeliling dan lain-lain**

2. Dasar-dasar, Pekeliling Kerajaan atau arahan-arahan bertulis daripada Yang Dipertua atau pelbagai Kementerian atau Jabatan atau Agensi Kerajaan lain yang mana difikirkan patut dan sesuai dan dipersetujui oleh Yang Dipertua hendaklah diterima pakai bersama-sama Undang-Undang Kecil ini dari semasa ke semasa.

**Tafsiran**

3. (1) Dalam Undang-Undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“iklan” ertiaya apa-apa pemberitahuan, kain rentang, papan tanda, tanda tunjuk arah, pengumuman, isyarat atau penerbitan yang ditunjukkan, dipamerkan atau didirikan bagi maksud memberitahu orang ramai mengenai apa-apa barang, keluaran, pengeluaran, perdagangan, perniagaan, profesyen, firma, pertubuhan, organisasi, institusi, tempat, premis, acara, aktiviti, acara, atau apa-apa perkara atau maklumat lain di atas apa-apa cermin, dinding, papan dinding adang, papan, bumbung, papan iklan, sepanduk, pagar pancang, pagar, banting, pemberitahu projek bangunan, multimedia (LED/LCD), pokok, bingkai, papan tanda, plat, kain, jeruji, palang, tiang, dawai, rangka, kenderaan, papan elektronik, hologram, menara setiang atau dengan menggunakan apa-apa cahaya, cahaya laser, berkpas atau apa-apa struktur atau rekaan lain atau mana-mana bahagian daripada struktur atau rekaan lain itu, pada, di dalam, di atas atau mana-mana bangunan, rumah, struktur, siar kaki, kaki lima, jalan, tempat peranginan awam, tempat tumpuan orang awam atau mana-mana tanah dan digunakan dengan maksud iklan dan termasuklah tanda langit, tanda arahan, papan tanda dan warna yang diletakkan bersama-sama iklan tersebut termasuk mana-mana pertunjukkan di tingkat bawah atau pertunjukan tingkap;

“iklan bercahaya” ertinya mana-mana iklan yang disinari daripada dalam struktur atau rangka iklan itu sendiri dengan lampu elektrik seperti lampu bebola, lampu kalmantang, lampu neon, lampu limpah atau apa-apa alat yang berada di luar struktur atau rangka iklan itu yang mengeluarkan cahaya pancaran ke arah iklan itu yang akan menyebabkan iklan itu dilihat dengan jelas atau mana-mana iklan yang diterangi secara rekaan atau penyerapan sumber cahaya tiruan dalaman atau luaran secara terus atau melalui pemantulan cahaya sama ada membentuk sebahagian daripada iklan itu atau tidak;

“iklan tanpa bercahaya” ertinya apa-apa iklan selain iklan bercahaya;

“iklan masyarakat sosial” ertinya suatu iklan berarah sementara yang didirikan atau dipamerkan bagi tempoh tidak lebih daripada tujuh hari di sepanjang hak lalu lalang awam oleh seseorang untuk memberi arahan ke suatu majlis tertutup, sosial atau masyarakat;

“iklan sementara” ertinya apa-apa iklan yang dipamerkan bagi suatu tempoh jangka pendek tidak melebihi tiga bulan dan hendaklah termasuk sepanduk, tanda, panji-panji, banting, iklan perayaan, iklan boleh kembung, iklan kain rentang dan iklan promosi dan tertakluk kepada apa-apa syarat yang dikenakan oleh Majlis;

“iklan yang dilarang” ertinya iklan yang dinyatakan dalam undang-undang kecil 19 dan termasuklah iklan rangka-A, tanda kolumn, tanda melunjur dan tanda atap;

“Majlis” ertinya Majlis Perbandaran Pengerang;

“nombor bersiri iklan” ertinya suatu siri abjad dan/atau nombor yang dikeluarkan oleh Majlis Perbandaran Pengerang kepada lesen iklan dan abjad atau nombor itu dipamerkan di atas iklan tersebut;

“pameran tingkap” ertinya mana-mana pameran atau iklan dalam bilik di tingkat bawah mana-mana bangunan yang direka khas sebagai bilik pameran dalam lingkungan ruang terbukanya di bahagian belakang sempadan kaki lima tetapi tidak termasuk mana-mana pameran di tepi dinding atau tiang di bilik pameran itu;

“pameran tingkat bawah” ertinya pameran atau iklan dalam lingkungan ruang terbukanya menghadap hadapan kedai di tingkat bawah mana-mana bangunan di bahagian belakang sempadan kaki lima tetapi tidak termasuk mana-mana pameran di tepi dinding atau tiang di sepanjang bahagian hadapan mana-mana kedai;

“pegawai yang diberi kuasa” ertinya mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Yang Dipertua;

“pihak berkuasa” ertinya mana-mana pihak berkuasa yang diiktiraf oleh kerajaan berkaitan dengan mana-mana keadaan itu;

“tanda arahan” ertinya mempamerkan dengan apa-apa cara akan cap dagangan berdaftar atau jenis tred, perniagaan atau profesyen mana-mana orang, firma, perbadanan atau lain-lain pertubuhan dan dimaksudkan untuk menunjukkan arah atau jalan ke premis di mana papan tanda tidak dapat dilihat dari jalan;

“tempat awam” ertinya mana-mana lapangan terbuka, tempat letak kereta, kebun bunga, taman rekreatif dan bersuka-suka atau medan, sama ada terkepung atau tidak, yang dikhas atau diperuntukkan bagi kegunaan orang ramai atau yang terbuka kepada orang ramai pada bila-bila masa;

“tiang kain rentang” ertinya tiang yang disediakan oleh Yang Dipertua untuk mempamerkan kain rentang; dan

“Yang Dipertua” ertinya Yang Dipertua Majlis Perbandaran Pengerang.

(2) Dalam Undang-Undang Kecil ini, rujukan mengenai orang yang mempamerkan sesuatu iklan hendaklah ditafsirkan sebagai rujukan mengenai orang yang sendirinya atau melalui penjawat atau ejennya mempamerkan atau mengarah dipamerkan iklan itu dan hendaklah disifatkan sebagai termasuk-

- (a) pemunya atau penduduk mana-mana tanah, bangunan atau mana-mana struktur di mana iklan itu dipertunjukkan atau dipamerkan; atau
- (b) mana-mana organisasi, firma, pertubuhan, syarikat, persatuan, perbadanan, koperasi atau organisasi lain yang didaftarkan mengikut Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 [*Akta 197*], Akta Syarikat 2016 [*Akta 777*], Akta Pertubuhan 1966 [*Akta 335*] atau Akta Koperasi 1993 [*Akta 502*] mengenai apa-apa urusan pengiklanan, promosi atau pemberitahuan.

## BAHAGIAN II

### IKLAN

#### Syarat bagi kandungan dan perkataan dalam iklan

4. (1) Sesuatu perniagaan adalah diberi pilihan untuk mempamerkan iklan sama ada untuk menggunakan nama perniagaan atau jenama jualan. Saiz bagi perkataan itu hendaklah lebih besar daripada perkataan-perkataan lain pada iklan itu.

(2) Hendaklah mengekalkan nama perniagaan berdaftar dan ditulis dalam lain-lain bahasa.

(3) Bagi sesuatu perniagaan yang didaftar dalam bahasa lain seperti bahasa Cina atau Tamil atau lain-lain bahasa, saiz huruf bagi iklan hendaklah tidak melebihi tiga per empat (%) daripada saiz huruf nama perniagaan itu.

(4) Sesuatu cap dagangan, logo, label dan slogan pada iklan pada sesuatu perniagaan hendaklah digunakan dengan kelulusan Yang Dipertua atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa.

(5) Bahasa Kebangsaan hendaklah diguna pakai bagi semua jenis iklan sama ada secara sendiri atau bersama-sama dengan apa-apa bahasa lain.

(6) Penggunaan perkataan, susunan ayat, ejaan, tatabahasa atau lain-lain kosa kata bagi Bahasa Kebangsaan di dalam sesuatu iklan perniagaan hendaklah betul dan tepat serta mendapat kelulusan daripada Yang Dipertua atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa.

(7) Jika Majlis berpendapat bahawa Bahasa Kebangsaan telah tidak digunakan dengan betul dalam mana-mana iklan, Majlis boleh, melalui Yang Dipertua atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa, memberikan notis secara bertulis mengarahkan mana-mana orang yang memamerkan atau mendirikan iklan itu atau yang menyebabkan atau membenarkan iklan itu dipamer atau didirikan, supaya meminda iklan itu untuk membetulkan kesilapan mengikut apa-apa cara dan dalam apa-apa tempoh sebagaimana yang dinyatakan di dalam notis itu oleh Yang Dipertua atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa.

#### Penggunaan perkataan “Halal”

5. (1) Tiada seorang pun boleh menggunakan di atas, di bawah atau di mana-mana bahagian iklan apa-apa perkataan-perkataan “Halal”, “Ditanggung Halal” atau lain-lain perkataan atau cara yang menunjukkan bahawa sesuatu makanan atau minuman yang dimaksudkan oleh iklan itu telah diproses, dimasak atau dibuat dengan cara yang diluluskan oleh sesuatu pihak berkuasa itu dan makanan atau minuman itu tidak mengandungi apa-apa benda yang ditegah bagi seseorang Islam melainkan orang itu telah mendapat kebenaran secara bertulis daripada Yang Dipertua.

(2) Yang Dipertua, sebelum memberi kelulusan di bawah perenggan (1), boleh menghendaki apa-apa bukti dengan memuaskan hatinya bahawa makanan atau minuman itu tidak ditegah di bawah Agama Islam dan telah mendapat kelulusan oleh sesuatu pihak berkuasa untuk dimakan atau diminum oleh orang-orang Islam.

**BAHAGIAN III**  
**PELESENAN IKLAN**

**Peleesenan iklan**

6. (1) Tanpa lesen yang dikeluarkan oleh Yang Dipertua, tiada seseorang pun boleh mempamerkan atau mendirikan, atau menyebabkan, mengarahkan atau membenarkan iklan itu dipamerkan atau didirikan, kecuali iklan-iklan di bawah undang-undang kecil 13.

(2) Yang Dipertua boleh menggunakan apa-apa syarat yang difikirkannya patut dalam sesuatu lesen yang dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil ini.

(3) Lesen-lesen yang dikeluarkan ini ialah—

(a) Lesen Kelas “A” dalam borang yang ditetapkan dalam Jadual Pertama adalah sah bagi apa-apa tempoh yang ditentukan oleh Yang Dipertua tetapi tidak melebihi tempoh tiga (3) tahun;

(b) Lesen Kelas “B” dalam borang yang ditetapkan dalam Jadual Pertama yang mana hendaklah sah selama tempoh yang dinyatakan dalam lesen itu yang tidak lebih daripada enam (6) bulan kalendar; atau

(c) Lesen Kelas “C” dalam borang yang ditetapkan dalam Jadual Pertama yang mana hendaklah berkenaan dengan iklan yang berupa kain rentang yang dipamerkan pada tiang kain rentang yang mana hendaklah sah selama tempoh yang dinyatakan dalam lesen itu.

(4) Yang Dipertua atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa hendaklah menimbangkan pengelasan penggunaan premis atau tanah yang akan menempatkan iklan itu untuk menentukan kadar fi yang akan dibayar.

(5) Di mana Yang Dipertua meluluskan pameran sebarang iklan atau papan tanda yang dipamerkan terdahulu daripada kebenarannya diperolehi, bayaran lesen tahunan tidak lebih sepuluh kali ganda hendaklah dijelaskan terhadap lesen yang dikeluarkan itu.

**Permohonan untuk lesen**

7. (1) Sesuatu permohonan bagi lesen atau untuk memperbaharui lesen hendaklah dalam borang yang terdapat dalam Jadual Kedua dan hendaklah disertakan dengan—

(a) jika terpakai, salinan kelulusan yang diperakui sah bagi semua kelulusan yang diberikan oleh Majlis termasuk kelulusan kebenaran perancangan, pelan bangunan, pelan landskap dan jalan, dan butir-butir syarat, jika ada, yang dilampirkan kepada mana-mana kelulusan itu;

(b) bayaran fi yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga;

- (c) sesuatu latar menunjukkan butir-butir lengkap iklan yang dicadangkan dan suatu pelan tapak bina mengikut ukuran satu inci bagi satu rantai menunjukkan tempat iklan itu dan termasuklah tempoh cadangan bagi mempamerkan iklan itu, mesej yang akan dipamerkan, spesifikasi sivil, mekanikal, struktur, elektrikal dan elektronik bagi iklan itu yang disahkan dengan sepatutnya oleh pakar yang berkaitan;
- (d) bukti pemunyaan, penyewaan, pajakan atau sesalinan lesen daripada pemilik berdaftar, penyewa atau pemajak tanah yang di atasnya iklan itu dicadangkan untuk ditempatkan;
- (e) suatu salinan Perakuan Pendaftaran yang diperakui sah bagi firma, pertubuhan, syarikat, persatuan, perbadanan, pertubuhan koperasi atau mana-mana organisasi lain yang berniat untuk mendirikan atau mempamerkan iklan yang dicadangkan itu; dan
- (f) apa-apa dokumen lain, pelan sokongan dan maklumat dalam apa-apa jua bentuk atau mengikut apa-apa cara yang dikehendaki oleh Majlis.

(2) Yang Dipertua hendaklah menimbangkan permohonan yang dibuat di bawah perenggan (1) dan boleh meluluskan atau menolak permohonan itu.

(3) Sekiranya sesuatu permohonan diluluskan, suatu lesen hendaklah dikeluarkan—

- (a) dalam apa-apa bentuk mengikut undang-undang kecil 6(3) dan tertakluk kepada apa-apa syarat atau sekatan sebagaimana yang ditetapkan oleh Majlis;
- (b) dengan suatu nombor bersiri iklan hendaklah ditunjukkan di atas iklan itu.

(4) Yang Dipertua atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa boleh menghendaki pemohon sesuatu lesen mendapatkan kapadanya sejumlah wang sebagai deposit yang nilainya adalah sebagaimana dinyatakan dalam Jadual Ketiga.

(5) Melainkan deposit itu atau apa-apa bahagian daripadanya digunakan untuk menjelaskan belanja yang dilakukan di bawah undang-undang kecil 17, deposit itu atau bakinya hendaklah dipulangkan balik kepada pemohon apabila tamat lesen itu dan selepas iklan itu dipindahkan.

(6) Sekiranya sesuatu lesen diluluskan, pemegang lesen itu hendaklah mempamerkan nombor bersiri iklan.

(7) Seseorang hendaklah membuat suatu permohonan yang baru jika iklan itu telah dialih atau diubah suai dengan apa jua cara.

(8) Permohonan untuk memperbarui sesuatu lesen hendaklah dikemukakan sebelum tarikh tamatnya lesen itu dan hendaklah disertakan dengan bayaran fi sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga dan hendaklah disertai dengan apa-apa dokumen lain sebagaimana yang ditentukan oleh Yang Dipertua.

(9) Yang Dipertua boleh menghendaki apa-apa butir firma, pertubuhan, syarikat, persatuan, perbadanan, pertubuhan koperasi atau mana-mana organisasi lain bagi maksud Undang-Undang Kecil ini.

(10) Sesuatu permohonan papan iklan yang melibatkan rizab jalan atau mana-mana tanah Kerajaan, perlu mendapatkan kelulusan Lesen Pendudukan Sementara (LPS) terlebih dahulu daripada Pejabat Tanah Daerah sebelum mengemukakan permohonan lesen kepada Majlis.

#### **Lesen salinan**

8. Lesen salinan boleh dikeluarkan sekiranya lesen yang asal hilang dengan fi sebanyak dua puluh ringgit.

#### **Fi carian**

9. Fi carian bagi mana-mana lesen hendaklah sepuluh ringgit.

#### **Kuasa untuk enggan mengeluarkan, memperbarui dan membatalkan lesen**

10. (1) Yang Dipertua boleh enggan mengeluarkan sesuatu lesen atau membenarkan sesuatu lesen diperbarui tanpa memberi apa-apa sebab.

(2) Jika Yang Dipertua enggan mengeluarkan sesuatu lesen atau memperbarui sesuatu lesen ia hendaklah memulangkan balik bayaran fi lesen itu dengan sepenuhnya.

(3) Jika permohonan atau pembaharuan untuk suatu lesen ditarik balik sebelum permohonan itu diluluskan oleh Yang Dipertua, separuh daripada bayaran fi yang ditetapkan hendaklah dipulangkan balik kepada pemohon.

(4) Yang Dipertua boleh pada bila-bila masa, menarik balik kelulusan atau membatalkan mana-mana lesen iklan tanpa memberi apa-apa sebab; dengan syarat Yang Dipertua hendaklah memberikan notis bertulis kepada pemegang lesen sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum penarikan atau pembatalan lesen itu.

(5) Apabila sesuatu lesen ditarik balik atau dibatalkan, pemegang lesen itu hendaklah memindahkan iklan itu dalam tempoh dua puluh satu (21) hari dari tarikh lesen itu ditarik balik atau dibatalkan.

(6) Apabila sesuatu lesen ditarik balik atau dibatalkan di bawah Undang-Undang Kecil ini, tiada apa-apa pampasan kena dibayar bagi tempoh lesen yang belum tamat.

### **Bayaran**

11. (1) Bayaran fi lesen yang kena dibayar bagi jenis iklan yang dinyatakan dalam ruang pertama Jadual Ketiga hendaklah mengikut kadar yang dinyatakan dalam ruang kedua Jadual tersebut.

(2) Walau apa pun peruntukan perenggan (1), bayaran bagi lesen Kelas "B" hendaklah separuh daripada bayaran yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga.

### **Kawasan-kawasan untuk iklan**

12. Sesuatu iklan yang dileSEN di bawah Undang-Undang Kecil ini hendaklah dipamerkan hanya dalam kawasan yang diluluskan oleh Yang Dipertua atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa sahaja.

### **Pengecualian daripada lesen**

13. (1) Tiada sesuatu lesen dikehendaki bagi—

- (a) sesuatu iklan yang luasnya tidak lebih daripada dua (2) meter persegi dan yang mengiklankan penjualan dan penyewaan tanah atau harta tanah jika iklan itu dipamerkan di atas tanah atau harta tanah yang hendak dijual atau disewakan itu; dengan syarat bahawa tidak lebih daripada satu iklan penjualan atau penyewaan itu boleh dipamerkan mengenai mana-mana satu tanah atau harta tanah;
- (b) sesuatu papan tanda Kontraktor Bangunan atau Kejuruteraan Awam luasnya tidak lebih daripada empat (4) meter persegi jika papan tanda itu didirikan di atas tanah atau harta tanah di mana apa-apa kerja bangunan atau kejuruteraan awam sedang dijalankan; dengan syarat bahawa tidak lebih daripada satu papan tanda itu boleh dikecualikan mengenai mana-mana satu projek;
- (c) sesuatu papan tanda kontraktor kecil yang luasnya tidak lebih daripada dua (2) meter persegi yang didirikan berhubung dengan sesuatu projek bangunan atau kejuruteraan awam; dengan syarat bahawa dengan hanya satu papan tanda sahaja boleh dikecualikan mengenai mana-mana satu projek dan papan tanda itu tidak boleh mengandungi apa-apa perkara bergambar;
- (d) satu tanda arahan tidak lebih daripada satu (1) meter persegi mengandungi nama orang atau firma, perbadanan atau pertubuhan, yang didirikan di atas sesuatu tapak bina yang diluluskan oleh Yang Dipertua;
- (e) apa-apa notis rasmi yang dikeluarkan oleh Majlis, Mahkamah, badan awam atau pegawai awam dalam menjalankan tugas rasminya;
- (f) iklan masyarakat sosial; dan
- (g) apa-apa iklan lain yang ditentukan oleh Majlis dari semasa ke semasa.

(2) Walaupun tiada sesuatu lesen dikehendaki bagi sesuatu iklan di bawah Undang-Undang Kecil ini, iklan hendaklah dipamerkan mengikut undang-undang kecil 4 dan 14.

(3) Pengecualian yang diberikan di bawah perenggan (1) boleh dibatalkan oleh Yang Dipertua pada bila-bila masa.

**BAHAGIAN IV**  
**PENYENGGARAAN IKLAN**

**Ketinggian dan kehendak iklan**

14. (1) Sesuatu iklan yang kurang daripada lima meter (5m) tingginya tetapi tidak kurang daripada dua perpuluhan lima meter (2.5m) diukur menegak daripada paras jalan tidak boleh menganjur keluar lebih daripada kosong perpuluhan lima meter (0.5m) dari garisan bangunan.

(2) Sesuatu iklan yang lebih daripada lima meter (5m) tingginya diukur menegak daripada paras jalan tidak boleh menganjur keluar lebih daripada satu perpuluhan dua lima meter (1.25m) dari garisan bangunan.

(3) Tiada sesuatu iklan yang boleh menutup atau menghalang mana-mana tingkap atau ruang keluar asap yang ada di tembok luar bangunan.

**Keselamatan struktur iklan**

15. (1) Apa-apa struktur, bersama dengan apa-apa lekapan pada sesuatu bangunan atau sebahagian daripada sesuatu bangunan yang didirikan bagi maksud mempamerkan sesuatu iklan hendaklah diperakui sebagai kukuh dari segi struktur oleh seorang arkitek yang berdaftar atau seorang jurutera struktur berdaftar selama tempoh lesen itu dalam borang yang terdapat dalam Jadual Keempat dan jika dikehendaki oleh Yang Dipertua atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa, perakuan itu hendaklah termasuk kestabilan struktur bangunan atau sebahagian bangunan yang menyokong iklan itu.

(2) Apa-apa pelan yang dikemukakan di bawah Undang-Undang Kecil yang terdahulu daripada Undang-Undang Kecil ini hendaklah mematuhi keperluan-keperluan Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1986 [J.P.U. 38/1986].

(3) Yang Dipertua boleh dalam sesuatu kes tertentu mengecualikan pemohon daripada kehendak perenggan (1).

(4) Kehendak perenggan (1) hendaklah dikemukakan dengan kadar segera kepada Majlis oleh seorang jurutera struktur yang berdaftar iaitu sejurus selepas siap pembinaannya dan hendaklah dipatuhi atau lesennya boleh ditarik balik.

### **Penyelenggaraan iklan yang sedia ada**

16. (1) Semua iklan hendaklah disenggarakan dalam keadaan yang baik, bersih dan memuaskan pada setiap masa oleh pemegang lesen.

(2) Yang Dipertua boleh dengan notis secara bertulis memerintahkan pemegang-pemegang lesen supaya membaiki, mencap, mengecat semula atau membersihkan mana-mana iklan dalam tempoh yang ditetapkan dalam notis itu.

(3) Bahagian bawah papan iklan hendaklah dilandskapkan sebagaimana konsep yang ditetapkan Majlis untuk tujuan pengindahan.

(4) Jika warna sesuatu iklan itu atau iklan berchaya yang berlesen mungkin, apabila disinarkan, menyebabkan kekeliruan atau gangguan kepada orang ramai, Yang Dipertua boleh menghendaki supaya warna atau cahaya itu ditukar.

(5) Pemegang lesen hendaklah mematuhi perintah itu dan syarat-syarat yang ditetapkan oleh Majlis.

### **Penurunan atau penghapusan iklan-iklan**

17. (1) Yang Dipertua boleh mengarahkan penurunan secara terus atau penghapusan pada bila-bila masa mana-mana iklan termasuklah mana-mana struktur yang didirikan khas bagi iklan itu dalam hal keadaan yang berikut-

- (a) iklan itu berada dalam keadaan yang buruk;
- (b) iklan itu berlainan daripada yang diluluskan oleh Yang Dipertua;
- (c) iklan itu merupakan tred, perniagaan atau perusahaan yang haram;
- (d) iklan itu dipamerkan di kawasan yang tidak dibenarkan; atau
- (e) iklan itu melanggar mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini.

(2) Yang Dipertua atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis olehnya boleh memasuki mana-mana tempat atau premis pada bila-bila masa dan melaksanakan penurunan atau penghapusan mana-mana iklan dan jika arahan penurunan atau penghapusan secara terus di bawah perenggan (1) tidak dipatuhi, Yang Dipertua boleh melupuskan iklan pada bila-bila masa dengan cara sebagaimana yang difikirkan sesuai.

(3) Belanja bagi penurunan atau penghapusan iklan itu hendaklah ditanggung oleh orang-orang yang mempamerkan iklan itu, dan Yang Dipertua boleh memotong belanja itu daripada apa-apa jua wang yang kena dibayar oleh orang itu di bawah undang-undang kecil 7(5).

(4) Yang Dipertua atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa boleh bagi maksud membaiki, mengecat semula atau membersihkan mana-mana tiang kain rentang, memindahkan apa-apa kain rentang dan walaupun mungkin ada apa-apa tempoh bagi lesen Kelas "C" yang belum tamat, tiada apa-apa amaan boleh dipulangkan balik.

(5) Yang Dipertua boleh melupuskan dengan cara menjual dan boleh menahan mana-mana hasil jualan sebagai kos penurunan iklan tersebut dan bakinya jika tidak dituntut selepas tiga puluh (30) hari dari tarikh pelupusan oleh seseorang yang boleh memuaskan hati Yang Dipertua sebagai pemunya iklan tersebut, hendaklah menjadi hasil Majlis.

#### **Pindah milik lesen**

18. (1) Seseorang pemegang lesen tidak boleh memindahkan lesennya kepada mana-mana orang kecuali dengan kelulusan Majlis terlebih dahulu.

(2) Suatu permohonan bagi mendapatkan kelulusan di bawah perenggan (1) hendaklah dibuat secara bertulis kepada Yang Dipertua dan Yang Dipertua boleh, atas budi bicaranya, meluluskan atau menolak permohonan tersebut.

#### **BAHAGIAN V IKLAN YANG DILARANG**

##### **Iklan yang dilarang**

19. Iklan yang berikut adalah dilarang daripada didirikan atau dipamerkan melainkan jika iklan itu diluluskan oleh Majlis—

- (a) iklan yang menyebabkan bahaya kepada trafik seperti iklan yang menggunakan lampu yang bercahaya atau berputar, imej atau laser yang bergerak atau boleh berubah-ubah, iklan yang menyerupai iklan jalan dan lalu lintas atau isyarat trafik, iklan yang menggunakan bahan-bahan yang melantunkan cahaya yang boleh mengakibatkan gangguan penglihatan, iklan yang mengakibatkan tahap silau yang berlebihan atau pencahayaan kepada tahap yang membahayakan dan iklan yang menghalang garis pandangan mana-mana lengkok, selekoh, pusingan, persimpangan dan lintasan kenderaan;
- (b) iklan yang berada di dalam hak lalu lalang awam atau yang dipasang di mana-mana harta awam;
- (c) iklan yang beranimasi, bergerak, berayun, berputar, bercahaya, berkelip, bersinar, berubah dan/atau mengandungi sinaran imej yang boleh berubah dan termasuklah lampu limpah, cahaya lampu berpendarfluor atau laser melainkan jika iklan itu ditempatkan di kawasan yang dikhatusukan oleh Majlis;

- (d) iklan yang tidak berkaitan dengan tanah atau premis yang padanya iklan itu dipasang;
- (e) iklan yang mempunyai lapang mendatar atau menegak yang kurang dari pendawaian tenaga elektrik hidup atau komunikasi yang dibenarkan daripada yang ditetapkan oleh peraturan-peraturan dan/ atau kaedah-kaedah agensi-agensi berkenaan;
- (f) iklan yang ditempatkan di atas atau merupakan sebahagian daripada atap atau dinding cucur atap sesuatu bangunan melainkan jika iklan itu tidak melebihi ketinggian garis atap;
- (g) iklan yang tidak melambangkan budaya dan cara hidup masyarakat Malaysia;
- (h) iklan politik; dan
- (i) apa-apa iklan lain yang difikirkan patut dilarang oleh Majlis daripada didirikan atau dipamerkan di dalam kawasannya dari semasa ke semasa.

#### BAHAGIAN VI

AM

#### Penalti

20. Seseorang yang melanggar mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini atau mana-mana syarat di dalam sesuatu lesen, mana-mana notis atau perintah Yang Dipertua, adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya dan dalam hal suatu kesalahan yang berterusan boleh dikenakan denda tidak melebihi dua ratus ringgit bagi setiap hari kesalahan itu diteruskan selepas sabitan.

#### Anggapan

21. Dalam apa-apa pendakwaan terhadap sesuatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini, maka hendaklah dianggapkan sehingga dibuktikan sebaliknya bahawa—

- (a) sesuatu iklan yang dipamerkan pada mana-mana premis telah ditunjukkan oleh atau dengan persetujuan pemunya atau penduduk premis atau tanah itu;
- (b) sesuatu iklan bagi apa-apa keluaran telah dipamerkan sedemikian oleh pembuat atau pengilang keluaran itu atau bagi barang-barang yang diimport wakil tunggal atau pengedarnya;

- (c) sesuatu iklan bagi apa-apa peristiwa telah dipamerkan oleh penganjur peristiwa itu atau jika penganjur itu tidak diketahui oleh orang yang kepadanya akan dibayar hasil jualan tiket-tiket bagi peristiwa itu atau oleh orang yang akan mendapat faedah dari iklan itu;
- (d) sesuatu iklan yang dipamerkan dengan apa-apa cara bagi apa-apa perkhidmatan atau jualan, telah dipamerkan oleh orang yang mempamerkan iklan itu yang mana nama, nombor telefon, alamat atau apa-apa maklumat lain mengenai mana-mana orang terdapat di dalam iklan itu.

**Tanggungjawab terhadap keruntuhan atau kegagalan struktur atau lekapan**

22. (1) Tanggungjawab terhadap keruntuhan atau kegagalan sesuatu struktur atau lekapan yang berhubung dengan mempamerkan iklan sama ada semasa ia dibina atau selepas ia siap, hendaklah *prima facie* terletak ke atas orang atau orang-orang yang telah mengemukakan permohonan untuk lesen itu.

(2) Walaupun sesuatu iklan telah diluluskan oleh Yang Dipertua atau walaupun Yang Dipertua telah mengecualikan pemohon itu daripada undang-undang kecil 13(1), Yang Dipertua tidaklah bertanggungjawab terhadap apa-apa kerosakan yang berlaku terhadap mana-mana harta atau kecederaan kepada mana-mana orang yang disebabkan oleh keruntuhan atau kegagalan struktur atau lekapan untuk iklan itu.

**Tanggungjawab terhadap kerosakan**

23. (1) Yang Dipertua tidaklah bertanggungjawab terhadap apa-apa kerosakan, bencana yang disebabkan olehnya atau pegawai-pegawaiannya dalam menjalankan peruntukan-peruntukan Undang-Undang Kecil ini.

(2) Yang Dipertua atau melalui pegawai-pegawai yang telah diberi kuasa untuk menjalankan peruntukan-peruntukan Undang-Undang Kecil ini, boleh melupuskan pada bila-bila masa, sesuatu struktur atau lekapan yang berhubung dengan iklan sama ada semasa ia dibina atau selepas ia siap.

**Larangan iklan tidak bermoral dan tidak sopan**

24. Yang Dipertua boleh melarang apa-apa iklan yang mengikut fikiran dan pendapatnya tidak sopan dan tidak mempunyai akhlak.

**Pengecualian**

25. (1) Yang Dipertua boleh mengecualikan sesiapa juga difikirkan patut daripada mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini.

(2) Sesiapa mempamerkan atau menyebabkan dipamerkan mana-mana iklan yang dikecualikan daripada lesen di bawah Undang-Undang Kecil yang dimansuhkan sebaik sahaja sebelum enam bulan dari tarikh Undang-Undang Kecil ini dikuat kuasakan memberitahu Yang Dipertua dengan bertulis berkembaran dengan gambar iklan tersebut.

### **Visual**

26. (1) Penukaran gambar atau visual bagi setiap lesen iklan hendaklah mendapat kebenaran Yang Dipertua dan setiap penukaran gambar atau visual tersebut akan dikenakan bayaran sebagaimana bayaran lesen.

(2) Tiada gambar atau visual yang tidak sopan atau bertemakan rokok dan minuman keras yang dibenarkan bagi sesuatu iklan untuk dipamerkan.

### **Kawasan yang tidak dibenarkan iklan**

27. Tiada sesuatu iklan yang boleh didirikan, dipamerkan menyebabkan ia didirikan atau dipamerkan di tempat seperti berikut kecuali dengan kelulusan Majlis—

- (a) di setiap kawasan sentral, simpang-simpang jalan, laluan utama dan jalan-jalan protokol; atau
- (b) di mana-mana batang pokok, tiang lampu dan tiang telefon.

### **Iklan di tanah persendirian**

28. Tiada iklan boleh didirikan atau menyebabkan ia didirikan di tanah persendirian kecuali dengan mematuhi keperluan teknikal, syarat yang ditetapkan dan kelulusan oleh Majlis.

### **Ketidakpatuhan kepada mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil**

29. Majlis berhak untuk menamatkan atau tidak memperbaharui lesen iklan jika terdapat mana-mana ketidakpatuhan terhadap mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini.

### **Kerja-kerja pembaikan dan kerja tanah**

30. Pemegang lesen atau tuan punya iklan hendaklah menurunkan atau mengalihkan iklan tersebut sekiranya Majlis bercadang untuk melebarkan atau membaiki jalan atau melakukan lain-lain kerja tanah yang melibatkan iklan tersebut, tiada pampasan atau ganti rugi yang perlu ditanggung oleh Majlis ke atas penurunan atau kerosakan iklan tersebut.

### **Pencahayaan dan pemasangan iklan**

31. (1) Bahan-bahan yang digunakan untuk iklan hendaklah dari jenis yang tidak boleh memantulkan cahaya dan tidak mengganggu tumpuan pemandu pada waktu siang atau malam.

(2) Tiada pemasangan iklan yang dibenarkan menutup atau menghalang pemandangan iklan yang sedia ada yang boleh mengganggu pengguna jalan raya.

## JADUAL PERTAMA

[*Undang-undang kecil 6(3)*]

## LESEN IKLAN

KELAS .....

Nama: .....

Alamat: .....

adalah dengan ini diberi lesen oleh Yang Dipertua Majlis Perbandaran Pengerang  
untuk menunjukkan Iklan/Papan Tanda/Poster yang berikut:

- (1) .....
- (2) .....
- (3) .....
- (4) .....

Di No. .... Lot .....

seksyen .....

Bermula daripada ..... 20 .....

Hingga ..... 20 .....

Yang Dipertua,

.....  
Bayaran lesen RM .....

Resit No. .....

Rujukan fail .....

Wang Pendahuluan .....

Resit .....

## JADUAL KEDUA

[*Undang-undang kecil 7(1)*]BORANG PERMOHONAN UNTUK LESEN IKLAN/PAPAN TANDA/POSTER/  
TANDA LANGIT BAGI KELAS A/B/C1. Nama penuh: .....  
*(Dengan Huruf Besar)*

2. Alamat: .....

3. Jenis "Iklan/Papan tanda/Poster/Tanda-Langit"

4. Jenis lesen "Kelas A/B/C"

5. Ukuran

Amaun

.....

.....

.....

6. Alamat dimana iklan/papan tanda/poster/tanda-langit hendaklah dipamerkan:

(1) .....

(2) .....

(3) .....

(4) .....

7. Tingginya daripada permukaan jalan (jika luar dari garisan sempadan mengikut Undang-Undang Kecil 14)

8. Tempoh pameran daripada ..... 20 ..... Hingga ..... 20 ..... Saya/kami berikrar bahawa Iklan/Tanda langit/Papan tanda/poster yang dicadangkan itu tidak akan ditunjukkan sehingga sesuatu lesen telah dikeluarkan oleh **Yang Dipertua Majlis Perbandaran Pengerang** Saya/kami lampirkan bersama-sama ini dua salinan bagi iklan/tanda langit/papan tanda/Poster itu serta pelan tapakbina mengikut sekil 1 inci bagi satu rantai.

Tandatangan tuan punya bgn/tanah

Tandatangan pemohon

.....

## JADUAL KETIGA

[subperenggan 7(1)(b), undang-undang kecil 7(4), 7(8), 11(1) dan 11(2)]

## FI IKLAN

Ruang Pertama Jenis Iklan	Ruang Kedua	
	Bayaran Fi (Setahun) Minimum RM	Maksimum RM
1. Iklan Tanpa Bercahaya:		
(a) Bagi kawasan yang tidak melebihi 10 meter persegi	50.00	300.00
(b) Bagi tiap-tiap satu meter persegi yang lebih daripada sepuluh meter persegi	4.00	50.00
2. Iklan Bercahaya		
(a) Bagi kawasan yang tidak melebihi 10 meter persegi	50.00	260.00
(b) Bagi tiap-tiap satu meter persegi atau sebahagian daripada satu meter persegi yang lebih daripada sepuluh meter persegi	5.00	50.00
3. Sokongan permukaannya lebih daripada ruang yang digunakan untuk menunjukkan iklan, bagi tiap-tiap satu meter persegi yang lebih daripada ruang itu.	5.00	40.00
4. Papan Iklan (Billboard), Menara Setiang dan tanda langit (skysign):		
(a) Bayaran proses (bagi sehelai pelan)	25.00	500.00
(b) Bayaran Lesen		
- Berlampa (10m <sup>2</sup> pertama)	100.00	500.00
- Berlampa (1m <sup>2</sup> berikutnya)	4.50	100.00
- Tidak Berlampa (10m <sup>2</sup> pertama)	50.00	500.00
- Tidak Berlampa (1m <sup>2</sup> berikutnya)	2.50	50.00
	10.00	50.00
(c) Permit sementara (setiap struktur)	50.00	200.00
(d) Caj Perkhidmatan (daripada jumlah bayaran lesen iklan)	10%	10%
(e) Wang Amanah		
- Billboard	5,000.00	10,000.00
- Menara Setiang	3,000.00	6,000.00
- Tanda Langit (Skysign)	3,000.00	6,000.00
5. Sepanduk	40.00	80.00
6. Banting	7.00	14.00
7. Iklan laser	50.00	100.00
8. Hologram	50.00	100.00
9. Papan Elektronik/Multimedia (LED/LCD)	50.00	100.00
10. Iklan berkpas	50.00	100.00

	Ruang Pertama Jenis Iklan	Ruang Kedua Bayaran Fi (Setahun)	
		Minimum RM	Maksimum RM
11.	Iklan boleh kembung	150.00	300.00
12.	Iklan Kenderaan	50.00	100.00
13.	Wang Amanah Iklan Sementara - 5 Unit pertama atau sebahagian daripadanya - 5 Unit kedua dan berikutnya atau sebahagian daripadanya	200.00	500.00
		200.00	500.00

## JADUAL KEEMPAT

*[undang-undang kecil 15(1)]*

## PENGESAHAN PELAN-PELAN STRUKTUR

(Untuk catatan di atas pelan yang dikemukakan untuk kelulusan)

Saya ..... seorang Arkitek Berdaftar/Jurutera Struktur Berdaftar dengan ini mengesahkan bahawa struktur di atas adalah kukuh dari segi struktur bagi tempoh ..... dan saya mengaku bertanggungjawab sepenuh ke atasnya.

.....  
Arkitek/Jurutera

Yang Dipertua

Bertarikh: 20 Disember 2020  
 [Bil. (57)dlm.MPP:MPP/PUU/05/20]  
 [SUKJ.KT. 24/69 JLD. 14(11); PPUUNJ. 600-1/2/52(2)]

FIZWAN BIN DATO' HAJI MOHD. RASHIDI  
*Yang Dipertua*  
*Majlis Perbandaran Pengerang*

Disahkan: 10 Februari 2021  
 [Ringkasan Mesyuarat Bil. 168/2021]

HAJAH NOR AZLEENA BINTI ABDUL RAHMAN  
*Jurutulis Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Johor*